

BAB DUA

ISU-ISU NAHU DAN *SARAF*

2.0 PENDAHULUAN

Nahu dan *Saraf* bahasa Arab adalah dua aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh para pendakwah dan petugas hal ehwal agama Islam. Kepentingan memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam kedua-dua aspek tersebut akan menghasilkan keberkesanan dalam usaha menyampaikan ajaran agama Islam yang murni. Keindahan bahasa Arab dapat dinilai dari penyuaran bahasa tersebut sehingga ke aspek nahu dan *saraf* serta kepadanan sebutan dengan maknanya. Kegagalan menyuarakan bunyi yang jelas, menampilkan nahu yang salah, membentuk kata yang tidak menunjukkan kehendak makna yang sebenar akan mencatitkan keindahan bahasa Arab. Lantaran itu, bahasa Arab akan didengari tanpa rasa kagum dan dihormati. Keadaan ini akan meyumbang ke arah menggagalkan usaha-usaha penyampaian ajaran Islam.

Aspek nahu dan *saraf* perlu diberi perhatian kerana ia akan menjadi panduan kepada para petugas agama dalam menyampaikan ucapan yang melibatkan penggunaan bahasa Arab. Biasanya para petugas agama akan memulakan ucapan, ceramah atau berkhotbah dengan puji-pujian yang diungkapkan dalam bahasa Arab. Pembukaan kata yang menarik dengan kaedah bahasa yang betul akan

menonjolkan kehebatan individu tersebut. Keadaan sebaliknya akan memperlihatkan kegagalan individu tersebut menghayati kaedah bahasa Arab dengan baik. Ucapan الْحَمْدُ لِلَّهِ boleh di tampilkan dalam bentuk أَحْمَدُ اللهُ atau نَحْمَدُ اللهُ sekiranya kaedah *saraf* dan nahu dipraktikkan mengikut panduan yang betul dan ini akan memperlihatkan kepelbagaian pembuka kata yang menarik perhatian para pendengar.

2.1 PERSEPSI BERKAITAN NAHU

Nahu bahasa Arab dilihat agak kompleks kerana ia mempunyai ciri-ciri bentuk yang lebih banyak berbanding dengan ciri-ciri makna sama ada dari sudut strukturnya sendiri mahupun penyusunannya. Kaedahnya sangat banyak dan padat. Sehubungan itu, usaha-usaha untuk mendalaminya perlu bermula dengan dasar yang jelas dan perancangan yang rapi.

Sesetengah persepsi melihat bahawa nahu Arab hanya menekankan perubahan baris akhir perkataan. Persepsi lain melihat bahawa ia adalah proses *i'rab* yang sangat terperinci dan pelbagai persepsi lain yang menyimpang dari konsep sebenar nahu. Persepsi-persepsi ini mempunyai implikasi yang besar kepada proses mendalami dan memperoleh kemahiran dari bidang tersebut.

Menurut Mat Taib Pa (2006: 16), nahu merupakan kaedah atau rumus yang dengannya dapat digunakan bahasa dengan betul, walaupun tanpa menggunakan istilah yang khusus. Oleh itu, nahu merupakan wasilah atau cara, bukannya *gha:yat* atau tujuan. Seseorang yang tahu bahawa ayat هَذَا الطَّالِبَةُ adalah salah dan dia dapat membetulkannya dengan هَذِهِ الطَّالِبَةُ walaupun dia tidak mengetahui istilah *Ism Isha:rat Mu'annath* atau *Mudhakkar*, sebenarnya dia mengetahui nahu bahasa Arab mengenai perkara tersebut. Nahu merupakan satu ilmu yang merangkumi apa sahaja kaedah dan rumus yang membantu seseorang menggunakan bahasa dengan betul, termasuklah kaedah-kaedah *saraf*.

2.2 KEPENTINGAN NAHU

Nahu merupakan satu pengetahuan yang mesti dimiliki oleh sesiapa sahaja yang ingin menuturi bahasa Arab. Tanpa pengetahuan dan kemahiran nahu, dia tidak dapat menggunakan bahasa Arab dengan betul, malah akan melakukan kesalahan tanpa pedoman dalam menyampaikan ayat al-Quran dan al-Hadith. Kerana itu, berlaku pertukaran baris pada ayat إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ pernah kedengaran. Penyampaian nahu yang salah ini boleh segera diperbetulkan jika penyampainya memiliki pengetahuan ilmu nahu.

Selain itu, sesuatu maksud yang sebenar tidak dapat difahami tanpa mengetahui nahu bahasa Arab. Sebagai contoh كَلَّمَ الْمُؤَظَّفَ الْمُدِيرَ tidak dapat diketahui siapa pelaku dan objek sekiranya nahu tidak dipastikan.

Bagi sarjana tradisional, kepentingan ilmu nahu hanya tertumpu kepada sekitar pengkajian tentang *i'ra:b* dan tanda kasus sahaja, iaitu dengan mengkaji kedudukan dan peranan perkataan tersebut di dalam ayat (Muja:wir 1983:666). Namun tumpuan itu telah berubah setelah masa berlalu dan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berkembang dengan pesatnya. Para sarjana bahasa Arab generasi baru yang dipelopori oleh Ibrahim Mustafa (1937) dan Syauqi Dif (1977) telah mula menyedari tentang kepentingan ilmu nahu yang jauh lebih penting iaitu untuk mengetahui kaedah memilih kata, frasa dan klausa yang tepat untuk dijadikan ayat dan mengkaji hubungannya dengan kata-kata lain, sejauh mana kesesuaian antaranya, sama ada dari sudut fonologi, morfologi dan juga semantik. Dengan itu, mereka mula berusaha memperkenalkan ilmu nahu secara lebih mudah dan ringkas (Abu Khudairi 1990:116)

Al-Rika:bi: (1973:135). melihat pengajian ilmu nahu adalah sesuatu yang wajib demi menjaga lidah dan pena daripada kesilapan. Namun, dalam proses pengajaran bahasa Arab pelajar tidak perlu didedahkan kepada keseluruhan aspek ilmu tersebut, tetapi cukup hanya memilih aspek-aspek nahu fungsian yang berkaitan dengan penggunaan dalam pertuturan dan penulisan.

Ini menunjukkan bahawa matlamat pengkajian ilmu nahu ialah untuk memastikan struktur ujaran atau ayat yang dibina menepati peraturan-peraturan linguistik bagi mengelakkan daripada berlakunya kesilapan penggunaan bahasa Arab juga menghasilkan komunikasi atau mesej yang berjaya.

Hasan Shaha:tah (1992:201-202) menjelaskan tentang objektif pengajaran nahu :

- i. Menjaga lidah dan pena daripada melakukan kesilapan.
 - ii. Menjadikan pelajar mempunyai kekuatan pemerhatian dan berfikir secara logik dan teratur selain daripada kecekapan membuat kesimpulan dan penilaian dalam menghasilkan struktur bahasa yang betul.
 - iii. Membantu pelajar memahami sesuatu ajaran dengan kefahaman yang tepat dan pantas.
 - iv. Menajamkan fikiran, menggilap citarasa dan memperkayakan bahasa pelajar.
 - v. Memberikan pelajar kemampuan untuk mempraktik peraturan-peraturan bahasa dalam komunikasi dan penulisan menggunakan struktur bahasa yang pelbagai dalam kehidupan harian mereka.
 - vi. Menjadikan tatabahasa sebagai asas untuk dijadikan panduan dan ikutan.
- Ini adalah kerana hanya dengan memerhati, mengikut dan menghayati penggunaan tatabahasa yang betul yang akan menghasilkan bahasa yang tepat.

Ishak Rejab (1994 : 7) menegaskan bahawa proses komunikasi tidak mungkin tercapai dengan jayanya tanpa syarat-syarat berikut :

- i. Penutur harus mengetahui dan benar-benar memahami sistem atau peraturan rumus-rumus bahasa (*al-tara:kib al-lughawiyyat*) yang dipelajari di samping berlatih menggunakannya.
- ii. Penutur harus memiliki atau menguasai perbendaharaan kata (*al-tharawa:t al-lughawiyyat*) yang mencukupi bagi menggambarkan buah fikiran dan perasaannya dalam pelbagai situasi.
- iii. Penutur harus mengetahui hubungan antara bahasa dan budayanya dan juga perjalanan komunikasi kehidupan.

Pandangan di atas menunjukkan betapa penting penguasaan aspek nahu dan *saraf* bagi memastikan proses komunikasi berjaya. Faktor utama dalam menentukan kejayaan proses komunikasi tersebut ialah keupayaan membentuk frasa dan ayat yang menepati peraturan-peraturan nahunya demi menghasilkan maksud yang diinginkan.

Ilmu nahu juga berkait rapat dengan perbahasan ilmu Usul Fiqh dan Fiqh dalam usaha *istinbat*: (mengeluarkan hukum). Kerana itu, terdapat perbezaan pendapat ulamak dalam menentukan sesuatu hukum hanya kerana perbezaan dalam memahami nahu Arab.

Ini ialah kerana kesilapan dalam memahami nahu membawa kepada kesilapan dalam memahami maksud ayat contohnya, pendapat yang mengatakan bahawa hukum potong tangan pencuri hanya dikenakan ke atas orang yang menjadikan perbuatan mencuri itu kebiasaan dan pekerjaan baginya dengan hujah bahawa ال pada ayat السَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ daripada jenis ال تعريفية sedangkan ال di sini sebenarnya ialah ال الموصولة (Taib Pa 2006:18)

2.3 HUBUNGAN ANTARA NAHU DAN SARAF

Hubungan di antara ilmu nahu dan *saraf* sangat berkait rapat. Sejak awal lagi para ulama nahu Arab telah memberi perhatian dengan tidak memisahkan di antara dua ilmu tersebut. Mereka membicarakannya secara bercampur dalam kitab mereka seperti yang ditampikan dalam kitab Sibawaih karangan Sibawaih, kitab *al-Muqtaḍab* karangan al-Mubarrid, kitab *al-Khaṣa:is Wa al-Munṣif* karangan Ibnu Jinni: dan lain-lain (Hanafi Dolah 2004:14-15)

Kemudian disusuli oleh para ilmuan bahasa masa kini yang mana mereka juga membicarakan ilmu tersebut dalam satu bahagian yang dinamakan dengan *grammar*. Menurut Sa'ra:n, "Para ilmuan bahasa Arab mempelajari kebanyakan bahasa berdasarkan dua tajuk utama iaitu "Morfologi dan Sintaksis".

Walaupun terdapat perdebatan dalam kalangan para ilmuan bahasa mengenai pembahagian kedua-dua bidang ilmu tersebut, namun ia dilihat baik. Kamal Bashar (1970:10) telah membahagikan tahap-tahap bahasa kepada lima bahagian iaitu ilmu *Aṣwa:t*, *Ṣarf*, *Naḥw*, *Mu‘jam* dan ilmu *Ma‘ani*:. Selain itu, beliau menegaskan bahawa pandangan yang muktamad dalam hal ini ialah ilmu *saraf* dikira sebagai pendahulu atau langkah permulaan bagi ilmu nahu. Ilmu *saraf* bukan merupakan tujuan atau matlamat, tetapi ia adalah cara atau jalan ke arah mempelajari ilmu nahu. Hal ini bermaksud bahawa tidak seharusnya kedua-dua ilmu ini dipisahkan dari sudut teori atau aplikasi kerana permasalahannya sangat berkait rapat. Hasil dari perbahasan *saraf* tidak mempunyai nilai selagi tidak dimanfaatkan untuk digunakan dalam konteks penstrukturan ayat.

Hubung kait diantara ilmu *saraf* dan nahu juga dapat dilihat ketika mengaplikasi perkataan yang berbeza bentuknya dalam menentukan gaya susunan ayat. Ia melibatkan perbezaan bentuk yang berkaitan bilangan seperti (يَقُولَان) *Alif tathniyyat*, jenis seperti (قَتَلَ) dan (قَتَلًا) dan sebagainya. Proses ini dinamakan *Taṣri:f* (Inflection) dan *Ishtiqa:q* (Derivation) (Muhammad Fatih. 1989). Menurut Hindawi (1989) Istilah nahu (Grammar) merangkumi dua ilmu iaitu *Tarki:b* (*al-i‘rab*) (Syntax) dan *Taṣri:f* (Morphology). Manakala makna setentang bagi *Taṣri:f* ialah *I‘rab* dan bukan *Naḥw*.

2.4 NAHU DAN AL QURAN

Penggunaan al-Quran untuk tujuan mengajar ilmu bahasa Arab terutama nahu itu sendiri telah mendapat perhatian yang utama oleh para ilmuan nahu sejak zaman berzaman. Bermula daripada Abu Aswad al-Du'a:li: yang telah menyahut seruan Saidina Ali dalam meletakkan asas ilmu nahu setelah beliau mendengar adanya *lahn* (kesalahan daripada segi nahu) dalam pembacaan al-Quran.

Sibawaih (180H) dalam bukunya *al-Kita:b* juga menggunakan dalil ayat-ayat al-Quran sebagai bukti kepada kaedah-kaedah nahu. Penggunaan dalil daripada ayat-ayat al-Quran untuk membuktikan ketepatan kaedah nahu dikenali dengan istilah *Sha:hid* al-Quran. *Sha:hid* al-Quran yang pertama digunakan oleh Sibawaih di dalam kitabnya adalah ketika membincangkan tentang kalimah iaitu tajuk pertama tentang ilmu nahu.

Ibnu Hisham (761H) juga menggunakan *sha:hid* al-Quran di dalam menghuraikan kaedah-kaedah nahu bahasa Arab. Di dalam bukunya *Sharḥ Qatr al-Nada: Wa Bal al- Ṣada:* penggunaannya (*sha:hid* al-Quran) yang pertama adalah dalam bab *al-Kalimat* apabila beliau membawa ayat al-Quran sebagai dalil kepada *Jumlat Mufi:dat*.

Begitu juga Ibnu 'Aqil (769H) yang juga tidak ketinggalan dalam menggunakan *sha:hid* al-Quran ini di dalam menghuraikan kaedah-kaedah nahu. *Sha:hid* al-

Quran yang pertama di dalam kitabnya *Sharḥ Ibn ‘Aqī:l* ialah apabila beliau memperkatakan tentang *al-Kala:m* (iaitu *al-Kalimat*).

Jikalau ada pihak yang mengatakan Ibnu Hisham dan Ibnu ‘Aqil kedua-duanya adalah *Sha:riḥ* (orang yang menghurai) kepada *Matan* Ibnu Malik (*Alfiyyat*) yang bersifat nazam atau syair, maka sepatutnyalah mereka menggunakan al-Quran. Ulama-ulama nahu yang melakukan huraian kepada *Matan al-Ajrumiyyat* (bukan syair) juga turut menggunakan *sha:hid* al-Quran di dalam menghuraikan kaedah-kaedah nahu.

Sheikh Muhammad Ab al-Ba:ri: (1298H) yang telah menulis nota tentang *matan* berkenaan menggunakan *sha:hid* al-Quran pada permulaan bab nahu lagi iaitu bab *al-I‘rab* dan *al-Bina:’* manakala *al-sha:riḥ* bagi *Matan al-Ajrumiyyat* pula iaitu al-Shaikh Muhammad al-Ra’aini menggunakan *sha:hid* al-Quran, dan *sha:hidnya* yang pertama dikemukakan pada bab *al-Kala:m*.

Para ilmuan nahu terdahulu sangat berpegang teguh dengan al-Quran di dalam pengajaran mereka tentang kaedah-kaedah nahu, sehinggakan pada permulaan bab lagi mereka telah menggunakan al-Quran sebagai bukti atau dalil ketepatan kaedah yang dibawa. Tetapi apabila kita merujuk kepada kitab-kitab pengajaran nahu yang ditulis oleh ulama-ulama masa kini, maka kita dapati sebahagian daripada mereka menggunakan al-Quran dan sebahagian yang lain pula tidak menggunakan al-Quran di dalam menerangkan kaedah-kaedah nahu.

Di antara kitab-kitab nahu yang masih menggunakan al-Quran sebagai bukti ketepatan kaedah nahu adalah seperti kitab *Ja:mi' al-Duru:s* yang dikarang oleh al-Ghalayini (1912), kitab *al-Taṭbi:q al-Nahwiyy* karangan Dr. Abduh al-Rajihi (1988), dan juga kitab terbaru yang mengemukakan huraian kepada *Matan al-Ajrumiyyat* yang telah dilakukan oleh Muhammad Mahyu al-Din Ab Hamid iaitu *al-Tuhfat al-Saniyyat*'. Kitab tersebut tidak ketinggalan menggunakan *sha:hid* al-Quran sebagai hujah membuktikan ketepatan nahu bahasa Arab.

Manakala kitab-kitab yang tidak menggunakan *sha:hid* al-Quran di dalam menghuraikan kaedah-kaedah nahu adalah seperti kitab *al-Nahw al-Wa:ḍiḥ*. Bahkan *sha:hid* al-Quran tidak digunakan pada kedua-dua jilid kitab tersebut. Begitu juga buku-buku ringkasan nahu bahasa Arab yang digunakan di sekolah-sekolah juga tidak menggunakan *sha:hid* al-Quran. (<http://www.belajarbahasaarab.com/blog/>)

Usaha untuk memantapkan kembali penguasaan bahasa Arab dalam kalangan petugas agama adalah dengan mengembalikan mereka kepada kaedah sebagaimana yang diasaskan oleh ulama terdahulu, di antaranya adalah menggunakan al-Quran di dalam pengajaran nahu bahasa Arab.

2.5 NAHU DAN QIRAAT

Sabda Nabi saw yang bermaksud : “.....Sesungguhnya al-Quran ini diturunkan dengan tujuh huruf (tujuh cara bacaan). Maka bacalah mana yang termudah daripadanya...” Sahih Bukhari (6 /583 & 584).

Penurunan al-Quran dengan tujuh kaedah qiraat ini melibatkan aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Tidak dinafikan bahawa setiap jenis bacaan tersebut mempunyai asas dan hujah yang tersendiri. Perbezaan pada bacaan akan menyebabkan perbezaan di sudut pandangan dan hujah nahu.

Berikut dimajukan beberapa contoh berkaitan :-

i. لَا رَيْبَ فِيهِ – al-Baqarah : 2

Para *Qurra'* (ahli qiraat al-Quran) bersetuju pendapat pada bacaan (لا رَيْبَ فِيهِ) dengan *naṣab*. Namun begitu, kaedah bahasa membolehkan bacaan dengan (لَا رَيْبٌ فِيهِ) dengan *rafa'* serta bertanwi:n dengan hujah bahawa لا huruf *nafi*: di mana orang Arab *menaṣab*kannya tanpa *tanwi:n* sekiranya mereka tidak mengulanginya. Sekiranya mereka mengulanginya, ia dibolehkan dibaca dengan *naṣab* tanpa *tanwi:n* atau *rafa'* beserta *tanwi:n*. (Abu Mansur 1999 : 34). Namun begitu, cara

bacaannya tidak diharuskan kerana bukan dari mana-mana qiraat yang diharuskan sedangkan qiraat adalah sunnah yang mesti diikuti.

ii. حَتَّى يَقُولَ الرَّسُولُ – al-Baqarah :214

Abu Mansur (1999: 75) menjelaskan bahawa Farra' membacanya dengan *naṣab* kecuali Muja:hid dan Na:fi' yang membacanya dengan *rafa'* (حَتَّى يَقُولُ). Mereka yang membaca dengan *naṣab* berhujah bahawa kata kerja sebelum حتى memberi maksud berterusan. Sekiranya kata kerja memberi makna tersebut, ia dinaṣabkan dengan حتى , sekalipun ia menunjukkan makna *ma:ḍi*. Sekiranya kata kerja sebelum حتى menunjukkan makna tidak berterusan iaitu *ma:ḍi*, maka kata kerja selepasnya dibaca dengan *rafa'*.

iii. وَنُكْفَرُ عَنْكُمْ - al-Baqarah : 271

Ibnu Kathi:r, Abu 'Amru, Abu Bakar daripada 'A:sim dan Ya'qu:b membaca dengan *rafa'* pada (نُكْفَرُ). Manakala Na:fi', Hamzah dan Kasa:'i: membacanya dengan *jazam* (نُكْفَرُ). Mereka yang membaca dengan *rafa'* kerana meletakkan perkataan tersebut bukan sebagai *jaza:'*/jawab, ianya seolah berada di permulaan

ayat (استئناف) dan ini adalah pilihan Sibawaih. Manakala mereka yang membacanya dengan *jazam* menjadikan (نكفر) sebagai ‘*aṭaf*/prasa penghubung kepada tempat *jazam* iaitu (فهو خير لكم) kerana maknanya ialah (يكن خيرا لكم) (Abu Mansur 1999: 89)

2.6 SARAF, QIRAAT DAN SEMANTIK

Perbahasan *qiraat* juga melampaui pengaruhnya pada morfologi dan semantik.

Berikut dimajukan beberapa contoh :

i. بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ – al-Baqarah :10

‘A:ṣim, Hamzah dan Kasa:’i: membaca (يَكْذِبُونَ) dengan *takhfi:f* (ringan) yang bermaksud (بكَذِبِهِمْ). Para qurra’ selebihnya membaca dengan *tashdi:d*

(bersabdu/berat) (يُكْذِبُونَ) yang bermaksud (بِتَكْذِيبِهِمُ الْأَنْبِيَاءِ) (Abu Mansur 1999: 42)

ii. فَأَزَلَّهُمَا الشَّيْطَانُ – al-Baqarah : 36

Hamzah membaca (فَأَزَلَّهُمَا) dengan *alif* dan *takhfi:f* iaitu dari يزول – زال, maknanya

(فَنَحَاهُمَا). Para qurra’ selainnya membaca (فَأَزَلَّ) dengan *tashdi:d* dan tanpa *alif* iaitu

dari (أزل, زللت). Ia boleh memberi dua makna iaitu الخاطئة (dosa/kesalahan). Ini bermaksud kedua-dua mereka melakukan kesalahan/dosa dan makna kedua ialah (نحاهم!) (Abu Mansur 1999: 48)

iii. حَتَّى يَطْهَرُونَ – al-Baqarah : 222

‘Asim, Hamzah dan Kasa:’i membaca (يَطْهَرُونَ) dengan *tashdi:d* ‘ط’ dan ‘هاء’.

Asalnya ialah (يَتَطَهَّرُونَ), dimasukkan ت ke dalam ط dan di *tashdi:dkan*. تَطَهَّرُوا iaitu membasuh dengan air. Para qurra’selainnya membaca (يَطْهَرُونَ) yang bermaksud mereka bersuci dari darah haid selepas berhenti darah tersebut. (Abu Mansur 1999: 76)

Jika merujuk kepada perbincangan para ulama feqah, situasi ini menimbulkan pandangan yang berbeza di antara keharusan suami melakukan jimak dengan isteri selepas membasuh darah haid atau menunggu sehingga isteri bersuci selepas putus darah tersebut.

2.7 NAHU DAN FEQAH

Timbul perbezaan pandangan nahu di akhir kurun kedua hijrah. Perbezaan ini jelas berlaku di antara ulama Basrah dan Kufah (sama ada sesama mereka sendiri atau dengan pihak lain) dalam menyatakan hujah berdasarkan zahir perkataan dan hasil daripada perbezaan dalam mengeluarkan hukum-hukum nahu serta perbezaan di sudut pemahaman terhadap kaedah-kaedah usul nahu dan penggunaannya. Perbezaan ini juga timbul daripada proses menentukan kaedah-kaedah nahu dan mengolahnya.

Pandangan nahu terhasil berdasarkan kepada makna yang menjelma di fikiran *mu'rib*. Apabila wujud kepelbagaian pandangan nahu dalam mengi'*rab* sesuatu perkataan dalam frasa ayat, ia akan memberi kesan terhadap pemahaman kita dan akan timbul kepelbagaian makna bagi setiap pandangan nahu tersebut. Begitu juga sebaliknya, di mana kepelbagaian pandangan feqah timbul daripada perbezaan pandangan nahu.

Sharif Abdul Karim Muhammad Najjar (2006, 18/38) berpendapat bahawa *i'ra:b* didatangkan untuk menjelaskan makna. *Mu'rib* menentukan tugas dan fungsi nahu bagi sesuatu perkataan. Fungsi nahu ini muncul dari makna yang difahami oleh *mu'rib*. Apabila berbeza para *mu'rib*, ia akan menyebabkan wujud pelbagai makna

bagi perkataan yang dii'ra:b tersebut. Maka ia akan memberi kesan terhadap pemahaman makna.

Imam Asnawi dalam kitabnya “*al-Tamhi:d*” dan “*al-Kawkab al-Durriy Fi:ma: Yatakharraju ‘ala al-Uṣu:l al-Naḥwiyyat Min al-Furu:’ al-Fiqhiyyat*” telah membentangkan beberapa masalah feqah yang berkaitan dengan isu-isu nahu. Beliau menjelaskan tentang perbezaan pandangan fuqaha’ dalam menyatakan semantik nahu. (*Majallat Ja:mi‘at Umm al-Qura li ‘Ulum al-Syari:‘at Wa al-Lughat al-‘Arabiyyat Wa Ada:biha: : 18/38*). Situasi ini menegaskan bahawa peri pentingnya kajian bahasa di sisi para fuqaha’ yang sepatutnya dijadikan ilmu utama kerana ia menjelaskan dalil-dalil syara’.

Jurjani berkata : “ Ketahuilah bahawa perumpamaan pengantar bahasa seperti orang yang mengambil sepotong emas atau perak, lalu dia meleburkan kedua-duanya sehingga menjadi satu ketul” Beliau memberikan contoh berikut :

ضَرَبَ زَيْدٌ عَمْرًا يَوْمَ الْجُمُعَةِ ضَرْبًا شَدِيدًا تَأْدِيبًا لَهُ

Frasa ayat ini secara keseluruhannya menggambarkan satu makna dan bukan pelbagai makna seperti yang disangkakan oleh pendengar. Hal ini adalah kerana frasa ayat ini berkaitan di antara kata kerja (ضرب) dan apa yang berlaku.

(*Majallat Ja:mi‘at Umm al-Qura li ‘Ulum al-Syari:‘at Wa al-Lughat al-‘Arabiyyat Wa Ada:biha: : 18/38*)

Jurjani melihat frasa ayat ini berkaitan dengan pusatnya iaitu kata kerja di mana perkataan yang difahami dalam frasa ini tidak memberi faham makna dengan sendirinya, tetapi maknanya difahami melalui hubungkait perkataan tersebut dengan pusat frasa tersebut (kata kerja). Justeru itu, hukum-hukum yang diletakkan di atas makna ini mentafsirkan hubung kait tersebut. *عمر* difahami dengan makna *maf'u:l*. Ia tidak datang sendiri dengan makna tersebut, bahkan ia menjelaskan hubungan di antara perkataan itu dengan pusatnya. Manakala makna *zarf* terhasil melalui hubungkait di antara (*يوم الجمعة*) iaitu masa berlakunya pukulan dan kata kerja *ضرب*

Jurjani dan para ulamak nahu lain berpendapat bahawa hukum-hukum nahu mengandungi keterangan makna pada semantikanya. *Fa:'il* berkaitan dengan *fi'il* untuk menunjukkan bahawa ia melakukan perbuatan tersebut. *Maf'u:l bih* berkaitan dengan *fi'il* untuk menunjukkan bahawa *fi'il* berlaku ke atasnya.

Sharif Abdul Karim Muhammad Najjar (2006) menampilkan beberapa contoh ayat-ayat hukum yang menimbulkan perbezaan pendapat para fuqaha' dan para *mufassir* (ahli tafsir). Di antaranya ialah ayat 180 daripada Surah al-Baqarah :

"كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى

الْمُتَّقِينَ"

Terdapat dua pandangan ulamak berkaitan hukum wasiat di antara mewajibkannya dan tidak mewajibkan. Asas kepada perbezaan pandangan ini terhasil daripada lafaz حقا . Mereka yang mengatakan wajib wasiat berpandangan bahawa lafaz tersebut mengandungi makna *tawki:d* dan *tawki:d* menunjukkan makna wajib. Manakala mereka yang mengatakan tidak wajib wasiat, tidak pula melihat kepada *dila:laṭ* ini.

Para ilmuan nahu juga berbeza pandangan dalam mengi'ra:b حقا . Ada yang mengatakan ia adalah kata sifat bagi *maṣḍar* yang *mahdhu:f* (dibuang) Pandangan kedua mengatakan ḥa:l daripada *maṣḍar* yang *mahdhu:f*. Pandangan ketiga mengatakan *maṣḍar* yang mengukuhkan (*tawki:d*) kandungan ayat. Pandangan seterusnya mengatakan *maṣḍar* bagi *fi'il* كتب yang bukan daripada lafaznya.

(*Athar al-Khila:f al-Nahwiyy Fi: Tauji:h A:ya:t al-Qur'an al-Kari:m 'Ala al-Ḥukm al-Fiqhiyy*, 2006).

Kepelbagaian pandangan ini menunjukkan betapa pentingnya pengaruh nahu dalam menganalisa sesuatu hukum daripada al-Quran.

2.8 KAEDAH NAHU DAN TERJEMAHAN (GRAMMAR - TRANSLATION METHOD)

Teknik pengajaran bahasa menggunakan “Kaedah Nahu dan Terjemahan” merupakan teknik yang paling lama digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua ataupun bahasa asing. Kaedah ini diperkenalkan di Eropah apabila bahasa Yunani dan bahasa Latin tersebar ke dunia Barat. Dengan berkembangnya hubungan antara negara-negara di Eropah, timbulah kesedaran di kalangan penduduk Barat tentang keperluan mereka memahami kedua-dua bahasa. (*Mudhakkirat al-Daura:t al-Tarbawiyyat al-Qasi:rat*: 1992:1)

Antara teknik asas yang digunakan untuk mengajar kedua-dua bahasa ini ialah teknik menerangkan *qawa:’id* (kaedah nahu) dan kemudiannya menterjemahkannya sebagai jalan pemerolehan bahasa. Pendekatan ini dianggap sebagai asas sebelum menguasai kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Walaupun kaedah ini menerima kritikan di atas beberapa kelemahannya, ia masih lagi digunakan dalam pengajaran bahasa Arab hingga ke hari ini seperti yang diamalkan di institusi-institusi pondok di Malaysia.

“Kaedah Nahu dan Terjemahan” telah mendominasi pengajaran bahasa Eropah dan bahasa asing semenjak tahun 1840 hinggalah tahun 1940. Ia juga masih lagi

digunakan di beberapa tempat hingga ke hari ini dengan beberapa pengubahsuaian. (Jack C. Richards dan Theodore S. Rodges : 1986 : 4)

Menurut Hamadah Ibrahim (1987 : 39) : “Disamping buku sintaksis kaedah ini juga bergantung kepada kamus dwi bahasa pelajar ataupun senarai kata nama, kata kerja dan kata sifat beserta terjemahannya dalam bahasa ibunda pelajar”.

Ini bermakna, kamus adalah satu medium penting untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran bahasa menerusi kaedah ini.

Pelaksanaan “Kaedah Nahu dan Terjemahan” adalah bertitik tolak daripada beberapa asas berikut :

- i. Mempelajari tatabahasa menjadi syarat utama dalam pembelajaran satu-satu bahasa.
- ii. Pembelajaran bahasa merupakan latihan akal yang melibatkan aktiviti memahami tatabahasa, mengingat dan mengaitkannya dengan kemahiran dalam bahasa asal (bahasa ibunda) menerusi penterjemahan.
- iii. Bahasa pertama dalam kaedah ini dianggap sebagai bahasa rujukan, manakala bahasa kedua digunakan untuk menerang kaedah-kaedah sintaksis.

- iv. H. Douglas Brown (1987 : 75) menambah beberapa kriteria yang menjadi dasar dalam kaedah ini, antaranya ialah :
- a. Bahasa perantaraan yang digunakan dalam kaedah ini ialah bahasa ibunda.
 - b. Penerangan tentang kaedah sintaksis dilakukan dengan terperinci.
 - c. Pembacaan teks-teks lama dimulakan daripada peringkat awal.
 - d. Latihan ataupun aktiviti utama dalam kaedah ini ialah penterjemahan dari bahasa yang dipelajari kepada bahasa ibunda.
 - e. Tiada penekanan ataupun hanya sedikit penekanan diberikan kepada kemahiran fonologi.

Langkah Pengajaran Bahasa Menggunakan Kaedah Nahu dan Terjemahan

Berikut adalah langkah-langkah pengajaran bahasa menggunakan “Kaedah Nahu dan Terjemahan” (sila rujuk *Mudhakkirat al-Daura:t al-Tarbawiyat al-Qasi:rat* : 1992:2) :

- i. Skop pengajaran berasaskan kepada pengajaran kaedah sintaksis mengikut susunan tajuk-tajuk yang telah ditetapkan.
- ii. Mengemukakan kaedah-kaedah sintaksis diikuti dengan contoh dan huraian. Dalam langkah ini istilah-istilah nahu diperkenalkan kepada

pelajar dalam bentuk yang jelas seperti *al-maf'u:l*, *al-fa:'il*, *al-ḍami:r* dan sebagainya.

- iii. Membiasakan pelajar dengan perbendaharaan kata bahasa Arab di mana pengetahuan mereka bertambah setiap kali kalimah-kalimah tersebut digunakan.
- iv. Memberi tugas kepada pelajar untuk memahami kaedah dan menghafal perkataan yang terkandung di dalam ayat.
- v. Menterjemah perkataan dan susunan ayat dengan teliti untuk mengelakkan kesilapan.
- vi. Memperkenalkan ciri-ciri bahasa yang dipelajari dengan membuat perbandingan dengan bahasa lain khususnya bahasa asal pelajar (bahasa ibunda)

Kelebihan Kaedah Nahu dan Terjemahan

Walaupun kaedah ini mendapat tentangan daripada sesetengah pakar bahasa, namun ia tetap mempunyai beberapa kelebihan yang tertentu. Kelebihan kaedah ini seperti yang tercatat dalam *Mudhakkirat al-Daura:t al-Tarbawiyyat al-Qaṣi:rat* (1992:2) iaitu :-

- i. Pelajar dapat menguasai pelajaran nahu dengan baik.

- ii. Pelajar dapat mempelajari kaedah penterjemahan dan gaya bahasa sastera Arab.
- iii. Mohd Puzhi (2007 : 31-32) menambah beberapa kelebihan lain seperti berikut:-
 - a. Kaedah ini tidak membebankan guru kerana mereka hanya perlu membaca potongan teks dalam bahasa Arab. Kemudian guru akan menterjemahkan teks ke dalam bahasa ibunda di samping memberi huraian tentang kaedah-kaedah tatabahasa yang terdapat dalam teks tersebut.
 - b. Kaedah ini mudah untuk dilaksanakan oleh guru kerana perlaksanaannya tidak lebih dari menyoal pelajar tentang kaedah tatabahasa atau terjemahan teks daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu atau dari bahasa Melayu ke bahasa Arab.
 - c. Kaedah ini boleh digunakan untuk bilangan pelajar yang ramai. Pelajar-pelajar hanya perlu membawa buku yang telah ditetapkan, mengikut apa yang diajar oleh guru serta membuat penambahan di dalam catatan mereka terhadap apa yang dibincangkan di dalam kelas.
 - d. Kaedah ini sesuai digunakan untuk pelajar yang baru mengenali bahasa Arab. Antara keistimewaan lain bagi kaedah ini ialah pelajar-pelajar mudah menguasai kemahiran menulis dan membaca jika dibandingkan dengan kaedah-kaedah lain.

- e. Kaedah ini menjadikan kitab lama sebagai rujukan. Ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil manfaat daripada kitab-kitab tersebut yang dianggap sebagai peninggalan berharga daripada para ulama terdahulu.
- f. Kaedah ini membiasakan pelajar dengan sistem hafalan dan kaedah mengingat. Hal ini dapat melatih akal dan menggerakkan minda pelajar.

Kelemahan Kaedah Nahu dan Terjemahan

“Kaedah Nahu dan Terjemahan” mempunyai beberapa kelemahan yang menjadi kritikan sesetengah ahli bahasa dan linguistik. Antara kelemahan-kelemahan kaedah ini ialah (Sila rujuk Hamadah Ibrahim (1987 : 45-48) :-

- i. Kaedah ini hanya tertumpu kepada menghuraikan tatabahasa dan perkataan-perkataan sahaja dengan mengabaikan gerak kerja yang berbentuk amali seperti perbualan dan sebagainya.
- ii. Fokus kaedah ini hanya kepada aspek pembacaan dan penulisan tanpa memberi tumpuan kepada dua aspek bahasa yang penting iaitu pendengaran dan pertuturan. Para pelajar juga tidak dapat memahami teks-teks selain daripada teks yang mereka pelajari. Kaedah ini seolah-olah melupakan peranan utama bahasa iaitu sebagai alat komunikasi yang penting.

- iii. Alat Bantu mengajar kaedah ini hanya terhad kepada buku teks, kamus dan senarai perkataan. Pembelajaran biasanya berlaku di sekitar bilik darjah menyebabkan timbulnya rasa bosan di kalangan pelajar. Pelajar juga tidak berpeluang untuk mengguna alat bantu yang lain seperti makmal bahasa, video, pita kaset dan sebagainya.
- iv. Pelajar juga tidak dapat belajar dalam bentuk yang bebas dan tidak berpeluang untuk mengemukakan pandangan di dalam kelas.
- v. Kaedah ini juga tidak berupaya menghidupkan suasana kelas. Suasana kelas agak membosankan dan hambar kerana kurangnya keterlibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- vi. Menurut H. Douglas Brown (1987:75) pula, kaedah ini tidak mampu meningkatkan keupayaan komunikasi pelajar dalam bahasa yang dipelajari.

Kesimpulannya, pengkaji berpendapat bahawa “Kaedah Nahu dan Terjemahan” sesuai digunakan dalam sesi latihan dan pengajaran kepada para petugas agama bagi memantapkan lagi penguasaan nahu bahasa Arab mereka. Selain itu, mereka juga dapat memperkayakan perbendaharaan kata menerusi proses penterjemahan. Kaedah ini boleh dijadikan pendekatan utama yang wajar digunakan selain menggabung jalin dengan pendekatan-pendekatan komunikasi bagi melengkapkan proses penguasaan bahasa Arab.

Walau bagaimanapun, matlamat komunikasi bukan merupakan suatu matlamat utama pengkaji. Hal ini adalah kerana tugas para imam/khatib perlu lebih prihatin kepada isu-isu membetulkan setiap perkataan Arab yang ditutur dari aspek nahu dan *saraf*nya. Apatah lagi yang ditutur itu ayat-ayat al-Quran. Ini bertujuan bagi mengelak daripada berlaku kesilapan dalam menyampaikan bahasa Arab.

2.9 TAJUK-TAJUK UTAMA NAHU DAN SARAF

Menurut Taib Pa (2006 :20), antara tajuk berkaitan nahu yang perlu diberi perhatian di peringkat awal pengajaran supaya kaedah nahu dapat dikuasai dengan baik ialah : Pembahagian *Kalimat* dan tanda-tandanya, *Mudhakkar* dan *Mu'annath*, *Mufrad*, *Muthanna*: dan *Jama'*, *Nakirat* dan *Ma'rifat* dengan *Alif* dan *La:m*, *al Ḍama:'ir*, *Ism Isha:rat* dan *Ism Mauṣu:l*.

Dari sudut *saraf* pula, antara tajuk yang harus diberi penekanan ialah :

Taṣrif kata kerja *Ma:ḍi:*, *Muḍa:ri'* dan *Amr – Maṣdar* dan *Mushtaqqat – al-Af'a:l al-Mujarradat* dan *al-Mazi:dat*.

Mohd Puzhi (2007: 97-100) telah mencadangkan nahu asas bahasa Arab sebagai salah satu bidang utama dalam merangka modul beliau. Oleh kerana bidang tugas petugas agama juga berkaitan dengan kepimpinan mereka dalam soal ibadah seperti solat, berzikir, tadarus al-Quran dan sebagainya, maka penulis juga mengharapkan petugas agama mengambil berat tentang perkataan-perkataan Arab

yang diungkapkan dalam melaksanakan tugas tersebut dengan betul dan penuh penghayatan.

Mohd Puzhi telah memilih 31 tajuk nahu daripada semua tajuk sintaksis bahasa Arab. Pelajaran nahu dimulakan dengan pelajaran yang berkaitan dengan kata nama dan disusuli dengan tajuk-tajuk lain kerana sempena mengambil pendekatan yang digunakan oleh Allah swt yang telah memulakan pengajaran terhadap nabi Adam a.s dengan kata nama sebagaimana firmanNya di dalam surah al Baqarah:31

"وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا...الآية"

Ertinya : Dan Dia (Allah) telah mengajarkan nabi Adam akan segala nama benda-benda dan gunanya..."

Tajuk-tajuk nahu tersebut ialah :

Jadual

TAJUK-TAJUK NAHU/SINTAKSIS

1	Bahagian-bahagian Perkataan	أقسام الكلمة
2	al-Ali:f Wa al-La:m	ال
3	Ganti Nama	الضمير
4	Kata Nama Am dan Khas	الاسم (نكرة و معرفة)
5	Gender	الاسم (مذكر و مؤنث)
6	Bilangan	الاسم (مفرد, مثنى, جمع)

7	Jenis-jenis Kata Nama Jama‘	أنواع الجمع
8	Kata Nama Penunjuk	اسم الإشارة
9	Kata Nama Penyambung	الاسم الموصول
10	Jenis-jenis Kata Kerja	الفعل (ماض, مضارع, أمر)
11	Kata Kerja Kala Kini	الفعل المضارع (مرفوع, منصوب, مجزوم)
12	Kata Kerja Aktif & Pasif	الفعل (مبني للمعلوم ومجهول)
13	Bentuk Kata Kerja	الفعل (ثلاثي, رباعي, خماسي, سداسي)
14	Partikel Tanya	أدوات الاستفهام
15	Tanda-tanda Perubahan Kasus	علامات الإعراب
16	Partikel Jar	حروف الجر
17	Partikel Penghubung	حروف العطف
18	Jenis-jenis Ayat	الجملة (اسمية و فعلية)
19	Ayat Kata Nama	جملة اسمية
20	Ka:na Wa Akhawa:tuha:	كان و أخواتها
21	Inna Wa Akhawa:tuha:	إن و أخواتها
22	Ayat Kata Kerja	جملة فعلية
23	Pelengkap Ayat	التكملة
24	al-Ha:l	الحال
25	Kata Nama Sandaran	الإضافة
26	Partikel “La:”	حرف لا
27	Partikel “Ma:”	حرف ما
28	Partikel Masa dan Tempat	الظرف
29	Kata Nama Khas	العلم
30	Ism Tafđi:l	اسم التفضيل
31	Kata Sifat	الصفة

Susunan tajuk ini adalah mengikut susunan tajuk-tajuk pelajaran nahu dalam kebanyakan kitab nahu.

Penulis juga melihat keperluan kepada tajuk *al-Nida:* (النداء) dan *al-Muna:da:*

(المنادى) diketengahkan kerana ia banyak digunakan dalam menyampaikan doa seperti *Ya Allahu, Ya Rabb al-'Arsh* dan lain-lain.

Penggunaan contoh-contoh dari al-Quran dan al-Hadith perlu diberi keutamaan supaya :-

- i. Pelajar dapat mempelajari kaedah nahu bahasa al-Quran dan al-Hadith
- ii. Dapat menghayati kaedah nahu tersebut dalam menyampaikan al-Quran dan al-Hadith.
- iii. Dapat melihat keindahan bahasa Arab dan keunikan gaya bahasanya.
- iv. Memahami tafsiran al-Quran dan maksud al-Hadith dengan lebih mendalam.
- v. Boleh dimanfaatkan dalam menyampaikan khutbah, kuliah dan sebagainya.

2.10 KEPENTINGAN KAJIAN ANALISIS KESILAPAN

Semua pengkaji bahasa telah bersepakat mengatakan bahawa bahasa adalah alat komunikasi, iaitu alat yang digunakan oleh seluruh manusia untuk berhubung antara satu sama lain. Hal ini membuktikan bahawa peranan analisis kesilapan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sangat penting, sebagaimana yang dijelaskan oleh Abu Khudairi (1994:52) :

“Peranan analisis kesilapan dalam pengajaran bahasa tidak terbatas kepada untuk mengenal pasti jenis-jenis kesilapan dan menilaikan peratusnya sahaja, malah lebih jauh daripada itu, iaitu cuba menentukan punca-punca kesalahan bahasa yang utama sehingga dapat menghalang dari berlakunya kesilapan atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkannya.”

Ciri-ciri bahasa Arab yang begitu kompleks berbanding bahasa-bahasa lain memperlihatkan keperluan kepada kajian analisis kesilapan dibuat.

Abu Khudairi (1991:15) menegaskan :

“ Tujuan kajian ialah untuk mengelak daripada berlaku kesalahan serta membimbing pelajar-pelajar supaya menggunakan bahasa Arab dengan betul sama ada lisan atau tulisan. Analisis kesilapan juga dapat membantu para guru mengetahui kelemahan pelajar. Oleh itu, mereka tahu aspek manakah yang perlu diberi penekanan”.

Analisis kesilapan juga menggalakkan berlakunya proses pembelajaran yang berterusan seperti yang dinyatakan oleh al-Amin Sa:lih (1982:12) :

“ Kesilapan adalah penting kerana ia merupakan gambaran strategi individu seseorang pelajar, dan ini bererti proses pembelajaran sentiasa kekal berterusan”.

Kajian analisis nahu merupakan kajian yang popular dalam kalangan para pengkaji bahasa Arab. Antara pengkajinya ialah Wan Rahiman (1994) yang melihat penguasaan pertuturan di kalangan pelajar Matrikulasi UIAM. Kajian seterusnya dijalankan oleh Hassan Basri dan Abdalla (1996). Muhammad Bakhit dan el-Basha (1998), Che' Kamaruddin Kamel (1999) dan Normah (2000), Naimah (2003), Che' Radiah Mezah (2006).

Meskipun kajian-kajian yang disebut di atas dilakukan ke atas kumpulan sasaran yang berbeza tempat, peringkat dan tahap pengajian, namun dapatan yang diperolehi menunjukkan satu persamaan iaitu kebanyakan pelajar gagal menguasai nahu bahasa Arab. Hal ini dibuktikan melalui peratusan kesilapan sintaksis yang dihasilkan oleh pelajar dalam kesemua kajian di atas adalah tinggi

Che' Radiah Mezah (2006 : 66 & 67) membariskan beberapa kepentingan kajian analisis bahasa seperti berikut :-

- i. Melalui analisis kesilapan, pengajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan kerana guru lebih berpeluang untuk bersedia dengan teknik yang sesuai serta bahan-bahan pengajaran yang telah dirancang mengikut kesesuaian pelajar.
- ii. Guru secara khusus dapat mengesan sejauh manakah pengaruh bahasa ibunda terhadap proses pembelajaran bahasa kedua.
- iii. Hasil maklumat yang diperolehi daripada proses menganalisa kesilapan, guru boleh mengubah suai kaedah dan teknik pengajarannya bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar.
- iv. Membolehkan para perancang pendidikan merancang proses pembelajaran dengan lebih berkesan, sama ada pemilihan kaedah atau bahan-bahan terpilih.
- v. Membolehkan pengarang buku-buku teks menyediakan bahan-bahan yang sesuai yang bakal dimuatkan ke dalam buku-buku itu.
- vi. Menjamin kejayaan yang maksimum serta mengurangkan sebanyak mungkin kegagalan di kalangan pelajar.

Abdul Rahman al-Fauzan (2008) mendapati bahawa kebanyakan kajian mengenai analisa kesilapan akhirnya merumuskan kesilapan sama ada berlaku dalam bentuk membuang (*hazaf*) atau menambah (*ziadat*) sesuatu unsur, atau memilih sesuatu unsur yang salah, atau menyusun sesuatu unsur dengan cara yang tidak betul.

2.11 PENUTUP

Pembentangan di atas telah menunjukkan betapa pentingnya ilmu nahu dan *saraf* yang perlu diberi perhatian oleh para petugas agama dalam melaksanakan tugas mereka. Maklumat-maklumat yang dikemukakan memberi gambaran bahawa para petugas agama perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan bahasa Arab kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan pelaksanaan tugas mereka. Kelemahan berbahasa Arab akan mengundang kesilapan dan menampakkan ruang-ruang kelemahan yang sepatutnya dapat diatasi dengan menguasai pengetahuan tersebut. Moga pembentangan ini dapat menimbulkan kesedaran dalam kalangan individu petugas agama supaya berusaha mendalami bahasa Arab terutama pada aspek nahu dan *saraf* serta menjadi panduan pihak yang terbabit dalam merangka dan memberi latihan dengan pendekatan yang lebih berkesan.